

**PEMBIAYAAN MIKRO, SOSIODEMOGRAFI,
SIKAP KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA DAN
PRESTASI PERUSAHAAN MIKRO
DI PULAU PINANG: KAJIAN TERHADAP
HUBUNGAN DAN KESAN PENYEDERHANA**

MAT HASHIM BIN HALIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PEMBIAYAAN MIKRO, SOSIODEMOGRAFI,
SIKAP KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA DAN
PRESTASI PERUSAHAAN MIKRO
DI PULAU PINANG: KAJIAN TERHADAP
HUBUNGAN DAN KESAN PENYEDERHANA**

oleh

MAT HASHIM BIN HALIM

Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

September 2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, izin dan rahmat-Nya, tesis ini dapat disiapkan jua biarpun mengambil masa yang agak lama. Pertamanya, jutaan penghargaan dan terima kasih saya hulurkan buat Penyelia Utama saya, Profesor Madya Dr. Tang Chor Foon yang telah banyak berkorban masa, perhatian dan idea dalam memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya bagi membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Segala ilmu, galakan dan sokongan yang diberikan oleh beliau tidak akan saya lupakan. Saya juga berasa amat terhutang budi dengan segala teguran dan nasihat beliau kerana teguran beliau telah membentuk disiplin dan memberi saya keyakinan sehingga saya mampu menyiapkan tesis ini.

Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapan kepada Dr. Sezali bin Md Darit, selaku mantan Penyelia saya yang telah bersara pada tahun 2019 sebelum sempat saya menyiapkan tesis ini, atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau sepanjang saya mulakan kajian dan penulisan tesis ini. Segala ilmu dan bimbingan yang diberikan, hanya Allah sahaja yang mampu membalaunya.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya hulurkan buat semua kakitangan dan pentadbiran Pusat Penyelidikan Dasar (CPR) atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan sepanjang saya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan yang teristimewa saya tujukan khas buat isteri tersayang, Hamisah binti Abu Bakar, anak-anak yang dikasih Danial Tsaqif Anaqi, Dania Qistina Safiya dan Dhia Hanana Ulfa, serta semua ahli keluarga yang memahami kedudukan insan ini, dan

sentiasa berada di belakang saya bagi memberikan sokongan dan dorongan sepanjang perjalanan saya menyiapkan tesis ini. Segala pengorbanan, sokongan dan dorongan yang kalian berikan amat dihargai.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak pengurusan dan kakitangan TEKUN, AIM, MARA, PDC dan pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas sumbangan dan kerjasama yang diberikan dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

Terima kasih.

MAT HASHIM BIN HALIM
Pusat Penyelidikan Dasar
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

September 2023

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pembangunan Perusahaan Mikro di Malaysia	4
1.3 Konsep Pembiayaan Mikro	14
1.4 Pembiayaan Mikro di Malaysia	16
1.4.1 Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	20
1.4.2 Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)	21
1.4.3 Majlis Amanah Rakyat (MARA)	23
1.4.4 Porgram Pembiayaan Mikro	24
1.5 Skim Pembiayaan Mikro Di Pulau Pinang	26
1.5.1 Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)	26
1.5.2 Skim Pinjaman Harapan (SPH)	27
1.6 Perkembangan Ekonomi Bumiputera di Malaysia	28
1.7 Pernyataan Masalah	32
1.8 Persoalan Kajian	39
1.9 Objektif Kajian	39
1.10 Kepentingan Kajian	40
1.11 Skop Kajian	42
1.12 Struktur Tesis	44

BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS.....	46
2.1 Pengenalan	46
2.2 Sorotan Kajian Empirikal Yang Lepas	46
2.2.1 Pembiayaan Mikro	51
2.2.2 Sikap Keusahawanan	60
2.2.3 Sosiodemografi Usahawan	63
2.2.4 Hubungan Antara Sikap dan Demografi Dengan Pembiayaan Mikro	67
2.3 Definisi Operasional	70
2.3.1 Perusahaan Mikro	70
2.3.2 Prestasi Perusahaan Mikro	71
2.3.3 Pembiayaan Mikro	73
2.3.4 Sikap Keusahawanan	75
2.3.5 Sosiodemografi Usahawan	76
2.4 Lompang Kajian	78
2.5 Rumusan	82
BAB 3 TEORI DAN KERANGKA KONSEPSUAL KAJIAN	83
3.1 Pengenalan	83
3.2 Ulasan Isu Utama	83
3.2.1 Teori Pandangan Berdasarkan Sumber (Resources-Based View)	84
3.2.2 Teori Sikap	87
3.2.3 Teori Keusahawanan Shane	89
3.3 Kerangka Kopsensual Kajian dan Hipotesis Alternatif Kajian	91
3.4 Kesimpulan	93
BAB 4 METODOLOGI KAJIAN	95
4.1 Pengenalan	95
4.2 Rekabentuk Kajian	95
4.3 Populasi dan Sampel Kajian	96
4.4 Instrumen Kajian	99
4.5 Pengukuran Pemboleh ubah Kajian	102

4.5.1	Pemboleh ubah Bebas	102
4.5.1(a)	Bilangan Pekerja	103
4.5.1(b)	Modal Permulaan	103
4.5.1(c)	Jumlah Pembiayaan Mikro	103
4.5.1(d)	Sikap Keusahawanan	104
4.5.1(e)	Sosiodemografi Usahawan	105
4.5.2	Pemboleh ubah Bersandar	106
4.5.2(a)	Prestasi Perusahaan Mikro	107
4.6	Sumber Data	109
4.6.1	Data Primer	109
4.6.2	Data Sekunder	109
4.7	Kaedah Pengumpulan Data Kajian	109
4.8	Ujian Kesahihan	110
4.9	Kaedah Analisis Data Kajian	112
4.9.1	Analisis Deskriptif	112
4.9.2	Analisis Regresi Berbilang	114
4.9.3	Analisis Kesan Sut	122
4.10	Rumusan	123
BAB 5	PENEMUAN KAJIAN DESKRIPTIF SOSIODEMOGRAFI USAHAWAN MIKRO BUMIPUTERA DI PULAU PINANG	125
5.1	Pengenalan	125
5.2	Profil Usahawan	125
5.2.1	Jantina	126
5.2.2	Taraf Perkahwinan	126
5.2.3	Umur Usahawan	127
5.2.4	Taraf Pendidikan	128
5.2.5	Pengalaman Usahawan	128
5.2.6	Masa Digunakan Sehari	130
5.3	Profil Perusahaan	130
5.3.1	Status Pemilikan	130

5.3.2	Lokasi Perusahaan	132
5.3.3	Modal Permulaan	132
5.3.4	Bilangan Pekerja	133
5.3.5	Sumber Modal Utama	133
5.4	Maklumat Pembiayaan	134
5.4.1	Institusi Kewangan	134
5.4.2	Jumlah Pembiayaan	135
5.4.3	Tempoh Pembiayaan	136
5.4.4	Kadar Faedah	136
5.5	Bentuk Penggunaan Pembiayaan Kewangan	138
5.6	Taburan Usahawan Mengikut Purata Skala Sikap	140
5.6.1	Kawalan Diri	143
5.6.2	Pencapaian	143
5.6.3	Inovasi	144
5.6.4	Penghargaan Diri	145
5.7	Analisis Kebolehpercayaan Pemboleh ubah Sikap	145
5.8	Rumusan	147
BAB 6	PENEMUAN ANALISIS REGRESI KAJIAN	148
6.1	Pendahuluan	148
6.2	Analisis Korelasi Pemboleh ubah Kajian	148
6.3	Analisis Regresi Berbilang	152
6.3.1	Hubungan Langsung Pemboleh ubah Kajian	154
6.3.1(a)	Pemboleh ubah Pembiayaan Mikro dan Sikap Keusahawanan	154
6.3.1(b)	Pemboleh ubah Faktor Sosiodemografi Usahawan	162
6.3.2	Kesan Penyederhana Pemboleh ubah Kajian	165
6.3.2(a)	Kesan Penyederhana Pemboleh ubah Sikap	166
6.3.2(b)	Kesan Penyederhana Pemboleh ubah Sosiodemografi Usahawan	172
6.4	Ringkasan Pengujian Hipotesis Alternatif	177

6.5	Kesimpulan	177
BAB 7 KESIMPULAN, IMPLIKASI DASAR DAN BATASAN KAJIAN		180
7.1	Pengenalan	180
7.2	Ringkasan Dapatan Kajian	180
7.2.1	Profil Sosiodemografi Usahawan Mikro Bumiputera Di Pulau Pinang	181
7.2.2	Kesan Pembiayaan Mikro, Sikap Keusahawanan dan Sosiodemografi Usahawan Terhadap Prestasi Perusahaan Mikro Bumiputera	183
7.2.2 (a)	Pembiayaan Mikro	183
7.2.2(b)	Sikap Keusahawanan Usahawan Bumiputera	186
7.2.2(c)	Sosiodemografi Usahawan Bumiputera	188
7.2.3	Kesan Penyederhana Faktor Sikap Keusahawanan Terhadap Prestasi Perusahaan Mikro	189
7.2.4	Kesan Penyederhana Faktor Sosiodemografi Usahawan Terhadap Prestasi Perusahaan Mikro	192
7.3	Sumbangan Kajian	193
7.4	Implikasi Dasar Kajian	197
7.4.1	Implikasi Kepada Penggubal Dasar, Agensi dan Institusi Kewangan	198
7.4.2	Implikasi Terhadap Usahawan Mikro Bumiputera	202
7.5	Rumusan dan Cadangan	203
7.5.1	Pihak Penggubal Dasar dan Institusi Kewangan	204
7.5.2	Usahawan Mikro Bumiputera	210
7.6	Batasan Kajian	212
7.7	Kajian Masa Depan	214
7.8	Kesimpulan	216
RUJUKAN		218

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Definisi PKS	5
Jadual 1.2 Bilangan PKS Mengikut Saiz Perusahaan	6
Jadual 1.3 Bilangan PKS Mengikut Sektor Ekonomi	7
Jadual 1.4 Peratus Pecahan PKS Mengikut Sektor Ekonomi dan Saiz Perusahaan	8
Jadual 1.5 Pecahan Bilangan PKS Mengikut Sektor Ekonomi dan Saiz Perusahaan	9
Jadual 1.6 Statistik PKS di Malaysia Mengikut Negeri	10
Jadual 1.7 Sumbangan PKS (pada harga malar 2010)	11
Jadual 1.8 Kadar Pertumbuhan PKS Tahun 2018 (pada harga malar 2010)	11
Jadual 1.9 Peratus Sumbangan dan Pertumbuhan PKS Mengikut Sektor Ekonomi (pada harga malar 2015)	13
Jadual 1.10 Pecahan Bilangan Tenaga Kerja Mengikut Sektor dan Saiz Perusahaan	13
Jadual 1.11 Ringkasan Skim Pembiayaan AIM	21
Jadual 1.12 Ringkasan Skim Pembiayaan TEKUN	23
Jadual 1.13 Ringkasan Skim Pembiayaan MARA	24
Jadual 1.14 Ringkasan Program Pembiayaan Mikro di Malaysia	25
Jadual 1.15 Jumlah Peminjam dan Pinjaman SPH Mengikut Daerah Bagi Tempoh 2013-2017	27
Jadual 1.16 Ringkasan Peranan Agensi Dalam Pembangunan Bumiputera Di Malaysia	32
Jadual 2.1 Ringkasan Definisi Operasional Pemboleh ubah Kajian	78
Jadual 3.1 Senarai Hipotesis Alternatif Kajian	94
Jadual 4.1 Pecahan Bilangan Sampel Kajian Berdasarkan Lokasi	99
Jadual 4.2 Item-Item Pengukuran Elemen Sikap	104

Jadual 4.3	Faktor Sosiodemografi Usahawan Bumiputera dan Kaedah Pengukurannya	106
Jadual 4.4	Ringkasan Pengukuran Pemboleh ubah Kajian	108
Jadual 5.1	Taburan Responden Mengikut Faktor Sosiodemografi Usahawan	129
Jadual 5.2	Taburan Perusahaan Mikro Mengikut Sosiodemografi Perusahaan	131
Jadual 5.3	Taburan Perusahaan Mikro Mengikut Maklumat Pembiayaan	137
Jadual 5.4	Penggunaan Pembiayaan Kewangan Mengikut Bentuk Aktiviti Perusahaan	139
Jadual 5.5	Pembiayaan Kewangan Memenuhi Keperluan Perusahaan	140
Jadual 5.6	Interpretasi Nilai Purata Skala Sikap	140
Jadual 5.7	Taburan Responden Mengikut Tahap Kecenderungan Sikap	141
Jadual 5.8	Elemen Sikap Mengikut Tahap Purata Sikap	142
Jadual 5.9	Nilai Purata Item Sikap Bagi Kawalan Diri	143
Jadual 5.10	Nilai Purata Item Sikap Bagi Pencapaian	144
Jadual 5.11	Nilai Purata Item Sikap Bagi Inovasi	144
Jadual 5.12	Nilai Purata Item Sikap Bagi Penghargaan Diri	145
Jadual 5.13	Pekali Saiz Cronbach's Alpha	146
Jadual 5.14	Nilai Pekali Alpha Bagi Pemboleh ubah Sikap	146
Jadual 6.1	Nilai Pekali Korelasi	149
Jadual 6.2	Analisis Korelasi Pemboleh ubah Kajian	150
Jadual 6.3	Pengaruh Pembiayaan Mikro dan Sikap Keusahawanan Terhadap Prestasi Perusahaan Mikro	156
Jadual 6.4	Pengaruh Pembiayaan Mikro dan Faktor Sosiodemografi Usahawan Terhadap Prestasi Perusahaan Mikro	163
Jadual 6.5	Peranan Sikap Keusahawanan Terhadap Kesan Pembiayaan Mikro Ke Atas Prestasi Perusahaan Mikro	168
Jadual 6.6	Peranan Sikap Keusahawanan Terhadap Kesan Pembiayaan Mikro Ke Atas Prestasi Perusahaan Mikro	170

Jadual 6.7	Peranan Sosiodemografi Terhadap Kesan Pembiayaan Mikro Ke Atas Prestasi Perusahaan Mikro	173
Jadual 6.8	Peranan Sosiodemografi Terhadap Kesan Pembiayaan Mikro Ke Atas Prestasi Perusahaan Mikro	175
Jadual 6.9	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis Alternatif Kajian	179

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Nilai KDNK PKS dan KDNK Negara (pada harga malar 2015)
Rajah 1.2	Purata Pendapatan Isi Rumah Mengikut Etnik (RM)
Rajah 1.3	Pecahan Isi Rumah Berpendapatan Bawah RM2,000 di Malaysia
Rajah 1.4	Pecahan Isi Rumah Berpendapatan Lebih RM2,000 di Malaysia
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Kajian
Rajah 4.1	Pengaruh Pemboleh ubah Moderator
Rajah 6.1	Bentuk Hubungan Dari Analisis Regresi Berbilang

SENARAI SINGKATAN

ADB	Asian Development Bank
AFI	Association of Financial Institutions
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
APEC	Asia Pacific Economic Cooperation
BEEP	Porgram Peningkatan Perusahaan Bumiputera
BNM	Bank Negara Malaysia
BSN	Bank Simpanan Nasional
CGC	Credit Guarantee Corporation
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DOSM	Department of Statistics Malaysia
DPN	Dasar Pembangunan Negara
EAO	Entreprenuerial Attitude Orientation Scale
EPU	Economic Planning Unit
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
GDRC	Global Development Research Centre
ICT	Teknologi Komunikasi dan Maklumat
IFC	International Finance Corporation
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
ISEAS	Institut Penyelidikan Asia Tenggara
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MBPP	Majlis Bandar Raya Pulau Pinang
MBSP	Majlis Bandar Raya Seberang Perai
MECD	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MPPB	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
MPPK	Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PDC	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
PTSR	Projek Titian Saksama Rakyat
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
RBV	Resources Based View
RMK	Rancangan Malaysia
SME CORP	SME Corporation
SMIDEC	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia
SPH	Skim Pinjaman Harapan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TEKUN	Tabung Ekonomi Usaha Niaga

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A Borang Soal Selidik

PEMBIAYAAN MIKRO, SOSIODEMOGRAFI, SIKAP KEUSAHAWANAN

BUMIPUTERA DAN PRESTASI PERUSAHAAN MIKRO DI PULAU

PINANG: KAJIAN TERHADAP HUBUNGAN DAN KESAN

PENYEDERHANA

ABSTRAK

Pembiayaan kewangan, sikap keusahawanan dan faktor sosiodemografi dilihat memainkan peranan penting dalam membantu pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana (PKS). Berdasarkan kepentingan faktor ini, kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh manakah pengaruh ini memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap prestasi perusahaan dengan tumpuan kajian diberikan kepada perniagaan bersaiz mikro Bumiputera yang terdapat di Pulau Pinang. Berdasarkan pertimbangan teoretikal, satu kerangka konseptual kajian telah dibentuk untuk meneliti hubungan faktor-faktor ini terhadap prestasi perusahaan mikro berdasarkan Teori Pandangan Berasaskan Sumber (RBV), Teori Sikap dan Teori Keusahawanan Shane. Sejumlah 350 orang usahawan Bumiputera bersaiz mikro di Pulau Pinang yang menerima pembiayaan kewangan mikro dari pelbagai agensi dan institusi kewangan telah dipilih sebagai sampel kajian. Data-data kajian diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian SPSS dan Eviews. Kaedah deskriptif digunakan bagi menjelaskan taburan responden kajian manakala kaedah regresi berbilang digunakan bagi menerangkan pengaruh faktor-faktor pembiayaan mikro, sikap keusahawanan dan sosiodemografi usahawan terhadap prestasi usahawan mikro Bumiputera di Pulau Pinang. Dapatan daripada analisis regresi yang dijalankan mendapati pembiayaan mikro, sikap keusahawanan dan beberapa faktor sosiodemografi

memberikan pengaruh secara langsung yang signifikan dan positif terhadap prestasi perniagaan mikro Bumiputera. Hasil analisis kesan sut yang dijalankan mendapati semua elemen sikap dan sosiodemografi yang dikaji adalah signifikan dan positif terhadap prestasi perusahaan. Hasil kajian dilihat dapat memberikan sumbangan kepada institusi kewangan dalam menilai keberkesanan kemudahan pembiayaan mikro di samping memberikan manfaat kepada usahawan mikro dalam membantu mengenal pasti elemen-elemen sikap dan faktor sosiodemografi yang dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi perniagaan.

**MICRO-FINANCE, SOCIO-DEMOGRAPHIC, BUMIPUTERA
ENTREPRENEURSHIP ATTITUDE AND THE PERFORMANCE
OF MICRO-ENTERPRISES IN PENANG: A STUDY ON THE
RELATIONSHIP AND MODERATING EFFECTS**

ABSTRACT

Microfinance, entrepreneurial attitudes and socio-demographic are seen to play an important role in helping the growth of micro, small and medium enterprises (SMEs). Based on the importance of these factors, this study was conducted to see what is the direct and indirect effect of these factors to enterprise performance, by focusing on Bumiputera micro-enterprises in Penang. Based on theoretical considerations, a conceptual framework of the study has been created to examine the relationship between these factors and the performance of micro-enterprises based on the Theory of Resources-Based View (RBV), Theory of Attitude and Shane's Theory of Entrepreneurship. By using the non-probability sampling method, a total of 350 micro Bumiputera enterprises in Penang who received microfinance from various agencies and financial institutions were selected as a sample of the study. Data for this study were obtained using a questionnaire and analyzed using SPSS and Eviews software. The descriptive method is used to explain the distribution of the respondents while multiple regression analysis is used to explain the influence of microfinance and entrepreneurial attitude on the performance of Bumiputera micro-enterprises in Penang. Findings from the regression analysis conducted found that microfinance, entrepreneurial attitude and socio-demographic have significant positive in term of direct and effect on the performance of Bumiputera micro-enterprises. The result of the marginal effect analysis

showed that all of entrepreneurial attitudes and socio-demographic is significantly positive on the performance of Bumiputera micro-enterprises. The result of this study can be seen to contribute to financial institutions in evaluating the effectiveness of microfinance facilities as well as provide benefits to micro-enterprises in order to identify attitude and socio-demographic factors that can contribute to improving the performance of enterprises.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perusahaan mikro merupakan sebahagian daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi kebanyakan negara dan secara kolektifnya, perusahaan mikro merupakan komponen terbesar dalam PKS (Behera, 2011). Data daripada kajian yang dijalankan oleh *International Finance Corporation* (IFC) pada tahun 2011 mendapati terdapat lebih kurang 70 juta hingga 90 juta perusahaan mikro di seluruh negara dengan 78 hingga 85 peratus daripadanya adalah di negara-negara membangun (IFC, 2013). Menurut profil PKS di *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) bagi tahun 1990 hingga 2000, hampir 72 peratus daripada perusahaan sektor swasta dalam APEC ialah perusahaan mikro (APEC, 2013). Di Asia, perusahaan ini merangkumi 98 peratus daripada keseluruhan perusahaan dan 66 peratus tenaga kerja secara puratanya bagi tempoh 2007 hingga 2012 (ADB, 2013). Statistik PKS di negara-negara Kesatuan Eropah turut menunjukkan perusahaan mikro mendominasi bilangan PKS di negara-negara berkenaan merangkumi 93.1 peratus daripada jumlah keseluruhan PKS pada tahun 2021 (SME Corporation, 2021b).

Secara umumnya, perusahaan mikro didefinisikan sebagai perusahaan bersaiz kecil yang beroperasi dengan modal dan bilangan pekerja yang kecil. Kebiasaannya, perusahaan ini beroperasi dalam lingkungan geografi yang kecil dengan menyediakan perkhidmatan dan barang untuk keperluan komuniti setempat (Thuo, 2014). Perusahaan mikro juga merangkumi sebahagian perusahaan yang beroperasi secara tidak formal atau tanpa pendaftaran syarikat yang sah (ADB, 2009). Kebanyakan perusahaan mikro beroperasi menggunakan sumber kewangan sendiri secara tunai

melalui pulangan dan keuntungan serta sumber tidak formal dan kurang berhubung kait dengan institusi kewangan (Ferrari et al., 2006).

Walau bagaimanapun, definisi perusahaan mikro adalah berbeza mengikut entiti dan sektor, dan bergantung kepada negara tertentu dan siapa yang memberikan definisi berkenaan (Thuo, 2014). Mengikut Asian Development Bank (ADB), definisi PKS adalah berbeza mengikut negara dan berdasarkan kriteria yang berbeza seperti bilangan pekerja, aset tetap, pusingan jualan tahunan dan modal berbayar, sektor dan kriteria khusus bagi sesetengah negara (ADB, 2021). Definisi rasmi PKS yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Eropah umpamanya mengambil kira tiga kriteria utama iaitu hasil jualan, saiz guna tenaga atau kunci kira-kira. Di bawah kriteria ini, perusahaan mikro didefinisikan sebagai perusahaan mempunyai pekerja kurang daripada 10 orang dengan perolehan tahunan kurang daripada 2 juta (SME Corporation, 2021b). *International Finance Corporation* (IFC) pula memberikan definisi PKS berdasarkan tiga kriteria iaitu bilangan pekerja, jualan tahunan dan jumlah aset. Sesebuah perusahaan perlu memenuhi sekurang-kurangnya dua daripada tiga kriteria berkenaan untuk dikelaskan sebagai PKS (IFC, 2012).

Di peringkat global, PKS telah dikenal pasti sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta sosial bagi negara-negara ekonomi dunia termasuk Amerika Syarikat, China, Korea Selatan, Thailand dan Malaysia (Naem et al., 2015; Amsi et al., 2017; Asean, 2021). PKS memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi di kebanyakan negara, khususnya di negara-negara membangun (Razak & Amin, 2020). Di samping memberikan faedah ekonomi sesebuah negara, PKS juga menawarkan peluang pekerjaan dan pada yang sama berperanan mengurangkan kadar pengangguran, meningkatkan persaingan dan produktiviti negara (Razak & Amin, 2020). Sektor ini berperanan penting dalam pembangunan ekonomi malah

dianggap sebagai jantung pertumbuhan ekonomi melalui sumbangannya kepada peningkatan pengeluaran dan eksport, peluang pekerjaan, kestabilan sosial dan ekuiti (Behera, 2011; Khalique et al., 2011; Amsi et al., 2017).

PKS menyumbang sehingga 60 peratus jumlah keseluruhan tenaga kerja dan 40 peratus pendapatan negara (KDNK). Dianggarkan lebih 600 juta tenaga kerja diperlukan dalam tempoh 15 tahun akan datang bagi menyerap pertumbuhan sektor PKS ini di Asia dan Afrika (Razak et al., 2018). PKS juga merupakan sumber utama dalam mewujudkan peluang pekerjaan di Benua Asia (ADB, 2009). Berdasarkan data terkini sehingga tahun 2020, lebih kurang 99.6 peratus daripada keseluruhan perusahaan yang terdapat di Asia terdiri daripada PKS dan menyumbang 76.6 peratus kepada guna tenaga, 33.9 peratus kepada KDNK dan 47.0 peratus kepada jumlah nilai eksport (ADB, 2021). Selain menyumbang peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan negara, sektor PKS ini juga berperanan dalam meningkatkan kemahiran dalam kalangan pekerja melalui penglibatan mereka dalam program-program latihan yang dijalankan (Abdullah, 1997). Di Bangladesh, bilangan PKS merangkumi 99.97 peratus daripada keseluruhan pertubuhan dengan menyediakan lebih 21 juta peluang pekerjaan atau 86 peratus daripada keseluruhan guna tenaga serta menyumbang 25 peratus kepada KDNK negara berkenaan (ADB, 2021). PKS turut memainkan peranan penting kepada pertumbuhan ekonomi beberapa negara Asia yang lain seperti Pakistan dengan menyumbang lebih 72 peratus kepada guna tenaga sektor pertanian negara berkenaan di samping pertumbuhan KDNK mencakupi 40 peratus daripada keseluruhan KDNK dan 25 peratus daripada nilai eksport. Di India, lebih 111 juta pekerjaan telah diwujudkan melalui PKS yang meliputi 99 peratus atau 63 juta daripada keseluruhan pertubuhan di India dengan perusahaan mikro merupakan bilangan perusahaan yang

terbesar. Dari aspek KDNK, sektor ini menyumbang 30 peratus kepada KDNK negara berkenaan.

Di peringkat Asean, terdapat sejumlah 70 juta PKS yang meliputi 97.2 peratus hingga 99.9 peratus daripada jumlah pertubuhan di negara-negara anggota Asean dengan sebahagian besarnya terdiri daripada pertubuhan bersaiz mikro. Sektor PKS ini menyumbang 85 peratus kepada peluang pekerjaan, 44.8 peratus kepada KDNK dan 18 peratus kepada nilai eksport bagi keseluruhan negara anggota Asean (Asean, 2021).

Di Afrika, 90 peratus daripada perusahaan merupakan perusahaan mikro dan menyumbang 80 peratus peluang pekerjaan baru (Reinecke, 2002). Manakala di Kenya pula, banci pada tahun 1999 menunjukkan terdapat hampir 35,000 sektor formal yang terdiri daripada perusahaan mikro dan menyediakan 40 peratus peluang pekerjaan (Kenya Economic Report, 2013). Chotimah (seperti dinyatakan dalam Dewi dan Christian, 2017) dalam kajiannya menjelaskan jumlah usahawan di Surabaya mencecah 362,000 orang, dan 98.5 peratus daripadanya ialah usahawan mikro dan kecil. Justeru, sektor ini merupakan salah satu sektor yang menjadi tumpuan utama kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara.

1.2 Pembangunan Perusahaan Mikro di Malaysia

Dalam menghuraikan perkembangan dan pembangunan perusahaan mikro ini, tumpuan kajian lebih tertumpu pada sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memandangkan perusahaan mikro bukan sahaja tergolong sebagai sebahagian daripada komponen PKS, malahan mendominasi daripada segi jumlah perusahaan dalam PKS. Dalam hal ini, kajian akan merujuk kepada definisi baru PKS yang telah diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. Definisi ini telah diguna pakai mulai 1 Januari 2014 dengan menaikkan had maksimum nilai jualan tahunan daripada RM25 juta

kepada RM50 juta dan bilangan pekerja daripada 150 orang kepada 200 orang (Unit Perancang Ekonomi, 2015).

Perubahan definisi ini telah meningkatkan peratus PKS daripada jumlah pertubuhan di Malaysia daripada 97.3 peratus kepada 98.5 peratus. Berdasarkan definisi baru ini, perusahaan mikro dikelaskan sebagai perusahaan dengan nilai jualan tahunan kurang RM300 ribu atau bilangan pekerja kurang 5 orang bagi keseluruhan sektor ekonomi (SME Corporation, 2021b). Definisi PKS mengikut sektor ekonomi yang telah diluluskan adalah seperti digariskan dalam Jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1 Definisi PKS

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana
Pembuatan	Nilai Jualan Tahunan kurang RM300,000 ATAU bilangan pekerja kurang daripada 5 orang	Nilai Jualan Tahunan RM300,000 hingga RM15 juta ATAU bilangan pekerja 5 hingga 75 orang	Nilai Jualan Tahunan RM15 juta hingga RM50 juta ATAU bilangan pekerja 75 hingga 200 orang
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Nilai Jualan Tahunan kurang RM300,000 ATAU bilangan pekerja kurang daripada 5 orang	Nilai Jualan Tahunan RM200,000 hingga RM3 juta ATAU bilangan pekerja 5 hingga 30 orang	Nilai Jualan Tahunan RM3 juta hingga RM20 juta ATAU bilangan pekerja 30 hingga 75 orang

Sumber: SME Corporation (2021b)

Dengan merujuk kepada definisi baru seperti yang digariskan dalam Jadual 1.1, sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana dikelaskan berdasarkan nilai jualan tahunan dan bilangan pekerja, dengan pengelasan dibuat berdasarkan dua sektor utama ekonomi sahaja, iaitu sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan serta sektor-sektor lain.

Berdasarkan definisi baru ini, statistik daripada Banci Ekonomi 2016 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.2

merekodkan, daripada sejumlah 920,624 buah pertubuhan yang berdaftar pada tahun 2015, sebanyak 907,065 atau 98.5 peratus daripadanya terdiri daripada PKS melibatkan pelbagai sektor ekonomi. Daripada keseluruhan jumlah PKS tersebut, sebanyak 76.5 peratus (693,670 PKS) terdiri daripada pertubuhan perusahaan mikro, manakala 21.1 peratus ialah pertubuhan PKS bersaiz kecil dan selebihnya ialah PKS bersaiz sederhana.

Landskap pertumbuhan sektor PKS di Malaysia telah berkembang dengan baik sejak tahun 2015. Sehingga tahun 2021, terdapat sebanyak 1,226,494 PKS yang beroperasi mewakili 97.4 peratus daripada keseluruhan 1,258,763 pertubuhan berdaftar. Terdapat peningkatan hampir 320,000 PKS berbanding 907,065 PKS yang dicatatkan pada tahun 2015 (SME Corporation, 2021b). Melihat kepada saiz perusahaan, perusahaan mikro kekal sebagai komponen PKS terbesar dengan lebih 270,000 perusahaan mikro baru ditubuhkan sejak tahun 2015 sehingga tahun 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 5.6 peratus setiap tahun. Dengan melihat kepada komposisi terkini PKS pada tahun 2021, perusahaan mikro meliputi 78.6 peratus (964,495 firma) daripada keseluruhan PKS, berbanding 19.8 peratus (242,540 firma) bagi perusahaan kecil dan baki bagi perusahaan bersaiz sederhana (SME Corporation, 2020a).

Jadual 1.2 Bilangan PKS Mengikut Saiz Perusahaan

Saiz Perusahaan	2015		2020		2021	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Mikro	693,670	76.5	903,174	78.4	964,495	78.6
Kecil	192,783	21.2	229,876	20.0	242,540	19.8
Sederhana	20,612	2.3	18,289	1.6	19,459	1.6
Jumlah	907,065	100.0	1,151,339	100.0	1,226,494	100.0

Sumber : Banci Ekonomi 2016; Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujukan 2015), Jabatan Perangkaan Malaysia

Penelitian ke atas bilangan PKS berdasarkan sektor ekonomi bagi tempoh 2015 hingga 2021 menunjukkan sebahagian besar PKS berada dalam sektor perkhidmatan. Pada tahun 2015, terdapat sejumlah 809,216 PKS berada di sektor ini, dan angka ini terus meningkat kepada 984,643 pada tahun 2020. Malahan, sehingga tahun 2021, sektor ini terus dominan sebagai sektor utama PKS dengan jumlah meningkat kepada 1,028,403 firma. Sektor pembuatan menjadi sektor kedua terpenting dari segi bilangan dalam PKS bagi tahun 2015 melibatkan sejumlah 47,698 PKS dan terus meningkat kepada 71,612 pada tahun 2021. Sektor pembinaan berada pada kedudukan ketiga bagi tahun 2015, namun pada tahun 2020, sektor ini melonjak pada kedudukan kedua dengan bilangan PKS bertambah kepada 85,637 berbanding sektor pembuatan dengan jumlah 58,439 PKS. Pertumbuhan bilangan PKS di dalam sektor ini terus meningkat kepada 98,274 pada tahun 2021 menjadikan ia sebagai sektor kedua terpenting dalam menyumbang kepada keseluruhan bilangan PKS. Bagi sektor-sektor ekonomi lain yang digariskan, pecahan bilangan PKS adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.3 di bawah;

Jadual 1.3 Bilangan PKS Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor	2015	2020	2021
Perkhidmatan	809,216	984,643	1,028,403
Pembinaan	39,158	85,637	98,274
Pembuatan	47,698	58,439	71,612
Pertanian	10,218	19,130	23,633
Perlombongan & Pengkuarian	865	3,490	4,572
Jumlah	907,065	1,151,339	1,226,494

Sumber: Banci Ekonomi 2016; Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujuk 2015), Jabatan Perangkaan Malaysia

Merujuk pada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pecahan saiz PKS mengikut sektor ekonomi seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.4 menunjukkan perusahaan mikro mendominasi sektor-sektor ekonomi dalam PKS bagi tempoh tahun 2015 hingga 2021 dengan keseluruhan sektor ekonomi terus mencatatkan peningkatan dari segi bilangan perusahaan mikro (SME Corporation, 2021b). Pecahan data mengikut sektor ekonomi pada tahun 2015 menunjukkan perusahaan mikro merangkumi 80.9 peratus dalam sektor perkhidmatan, 56.3 peratus di sektor pembuatan, 68.4 peratus di sektor pertanian, 67.6 peratus di sektor pembinaan dan 76.4 peratus di sektor perlombongan dan pengkuarian. Bilangan perusahaan mikro dalam sektor pembuatan merekodkan peningkatan yang ketara bagi tahun 2021 iaitu sebanyak 61.7 peratus berbanding 56.3 peratus pada tahun bancian 2015, diikuti sektor pertanian dengan jumlah 72.9 pada tahun 2021 berbanding 68.4 peratus pada tahun 2015. Pertambahan bilangan perusahaan mikro dalam komponen PKS ini menjadikan komposisi perusahaan sederhana dalam PKS menurun, dan berada pada kadar kurang 10 peratus daripada keseluruhan PKS bagi setiap sektor.

Jadual 1.4 Peratus Pecahan PKS Mengikut Sektor Ekonomi dan Saiz Perusahaan

Sektor Ekonomi	2015			2021		
	Mikro	Kecil	Sederhana	Mikro	Kecil	Sederhana
Perkhidmatan	80.9	18.2	0.9	80.8	18.2	1.0
Pembuatan	56.3	38.7	5.0	61.7	34.2	4.1
Pertanian	68.4	26.0	5.6	72.9	22.6	4.5
Pembinaan	67.6	26.7	5.6	69.9	25.1	4.9
Perlombongan & Pengkuarian	76.4	17.0	6.6	78.7	16.3	5.1

Sumber : Banci Ekonomi 2016; Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujuk 2015), Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.5 di bawah pula menggariskan agihan bilangan PKS mengikut sektor ekonomi dan saiz perusahaan.

Jadual 1.5 Pecahan Bilangan PKS Mengikut Sektor Ekonomi dan Saiz Perusahaan

Sektor	2015				2021			
	Mikro	Kecil	Sederhana	Jumlah	Mikro	Kecil	Sederhana	Jumlah
Perkhidmatan	649,186	148,078	11,862	809,126	830,728	187,274	10,401	1,028,403
Pembuatan	22,083	23,096	2,519	47,698	44,215	24,473	2,925	71,612
Pertanian	4,863	4,143	1,212	10,218	17,223	5,337	1,073	23,633
Pembinaan	17,321	17,008	4,829	39,158	68,732	24,713	4,829	98,274
Perlombongan & Pengkuarian	217	458	190	865	3,597	743	232	4,572
<u>Jumlah Pertubuhan</u>	<u>693,670</u>	<u>192,783</u>	<u>20,612</u>	<u>907,065</u>	<u>964,495</u>	<u>242,540</u>	<u>19,459</u>	<u>1,226,494</u>

Sumber : Banci Ekonomi 2016; Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujuk 2015), Jabatan Perangkaan Malaysia

Penelitian kepada bilangan PKS mengikut negeri berdasarkan statistik daripada Banci Ekonomi 2011 dan Banci Ekonomi 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.4 mendapati Selangor dilihat mendominasi sektor PKS di Malaysia melibatkan 19.5 peratus atau 125,904 daripada jumlah keseluruhan PKS berdaftar. Bilangan PKS di Selangor terus meningkat kepada 179,271 pada tahun bancian 2016, iaitu meningkat sebanyak 0.3 berbanding tahun bancian 2011. Hal ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dengan bilangan PKS sebanyak 84,261 sehingga tahun bancian 2011. Bilangan PKS di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan kenaikan kepada 133,703, sehingga tahun bancian 2016 dan peningkatan ini lebih ketara berbanding Selangor dengan kenaikan sebanyak 1.6 peratus. Selain Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, negeri-negeri lain yang turut merekodkan perubahan positif dari segi pertambahan bilangan PKS adalah Pulau Pinang, Johor dan Melaka. Namun di sebalik kerancakan pembangunan sektor PKS, terdapat negeri-negeri yang mengalami pertumbuhan yang negatif dari segi bilangan berbanding jumlah keseluruhan PKS. Perak dan Kelantan merupakan negeri yang merekodkan penurunan bilangan PKS yang tinggi, masing-masing pada kadar –1.0 dan –0.8 peratus.

Jadual 1.6 Statistik PKS di Malaysia Mengikut Negeri

Negeri	Banci Ekonomi 2011		Banci Ekonomi 2016		Perubahan (+/-)
	Bilangan	%	Bilangan	%	
Selangor	125,904	19.5	179,271	19.8	0.3
WP Kuala Lumpur	84,261	13.1	133,703	14.7	1.6
Johor	68,874	10.7	98,190	10.8	0.1
Perak	60,028	9.3	75,140	8.3	-1.0
Sarawak	43,830	6.8	61,036	6.7	-0.1
Sabah	40,884	6.3	55,702	6.2	-0.1
Pulau Pinang	40,824	6.3	66,921	7.4	1.1
Kelantan	37,823	5.9	46,618	5.1	-0.8
Kedah	37,092	5.8	48,894	5.4	-0.4
Pahang	29,462	4.6	37,573	4.1	-0.5
Negeri Sembilan	24,542	3.8	32,721	3.6	-0.2
Terengganu	22,514	3.5	29,324	3.2	-0.3
Melaka	21,675	3.4	31,361	3.5	0.1
Perlis	5,053	0.8	6,808	0.8	0.0
WP Labuan	1,952	0.3	2,567	0.3	0.0
WP Putrajaya	418	0.1	1,236	0.1	0.0
Jumlah	645,136	100.00	907,065	100.00	

Sumber :Banci Ekonomi 2011; Banci Ekonomi 2016; Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujukan 2015), Jabatan Perangkaan Malaysia (2016)

PKS telah dikenal pasti sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara termasuk Malaysia (Jamak et al., 2011; Nawai & Shariff, 2011). PKS merupakan komponen penting ekonomi Malaysia yang menyumbang sepertiga daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan pekerjaan kepada hampir 50 peratus daripada jumlah guna tenaga. Keadaan ini terbukti berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Jadual 1.7) yang menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) PKS merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.2 peratus pada tahun 2017, berbanding 5.4 peratus yang dicatatkan pada tahun 2016. Prestasi ini dilihat mengatasi perubahan tahunan dalam KDNK bukan PKS dan KDNK Malaysia, masing-masing pada kadar 5.1 peratus dan 5.9 peratus (SME Corporation, 2021b). Malahan, sumbangan sektor ini kepada KDNK negara dilihat meningkat pada tahun 2017 kepada 37.1 peratus, berbanding 36.6 peratus pada tahun sebelumnya. Begitu juga bagi aspek nilai ditambah iaitu pada harga malar 2010, nilai

ditambah PKS pada tahun 2017 ialah RM435.10 bilion berbanding RM405.8 bilion pada tahun 2016.

Jadual 1.7 Sumbangan PKS (pada harga malar 2010)

	Nilai Ditambah (RM Billion)		Sumbangan Kepada KDNK Negara (%)		Perubahan Tahunan (%)	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
PKS	405.8	435.1	36.6	37.1	5.2	7.2
Bukan PKS	703.2	739.2	63.4	62.9	3.7	5.1
KDNK Malaysia	1,108.9	1,174.3	100.0	100.0	4.2	5.9

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia


Statistik bagi tahun 2018 juga (Jadual 1.8) menunjukkan pertumbuhan KDNK PKS kekal mengatasi KDNK negara dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus, berbanding KDNK negara yang mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus.

Jadual 1.8 Kadar Pertumbuhan PKS Tahun 2018 (pada harga malar 2010)

	2015	2018
KDNK Keseluruhan	5.0%	4.7%
KDNK PKS	6.1%	6.2%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Dengan melihat kepada sumbangan PKS terhadap nilai KDNK dan KDNK negara, prestasi PKS dilihat telah berkembang sepanjang tempoh dari tahun 2016 sehingga tahun 2020, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.3 peratus setiap tahun dengan sumbangan keseluruhan meningkat sebanyak 0.8 peratus daripada 3.73 peratus pada tahun 2016 kepada 38.1 peratus pada tahun 2020 (SME Corporation, 2021b). Dari segi nilai, KDNK PKS pada harga malar 2015 adalah bernilai RM512.9 bilion pada tahun 2020 berbanding RM458.7 bilion pada tahun 2016.



Sumber : Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujuk 2015), Jabatan Perangkaan Malaysia (2022)

Rajah 1.1 : Nilai KDNK PKS dan KDNK Negara (pada harga malar 2015)

Berdasarkan sumbangan PKS terhadap KDNK negara mengikut aktiviti ekonomi seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.9, semua sektor mencatatkan peningkatan pada tahun 2020 berbanding tahun 2016, kecuali sektor pertanian dan perlombongan & pengkuarian yang masing-masing kekal 4.0 peratus dan 0.2 peratus, manakala sumbangan sektor pembinaan menurun 0.3 peratus. Sumbangan sektor PKS diterajui oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang 22.8 peratus terhadap KDNK negara pada tahun 2016, dan tumbuh kepada 23.7 peratus pada tahun 2020. Sektor pembinaan dilihat berkembang kepada 7.6 peratus pada tahun 2020, dengan peningkatan sebanyak 0.3 peratus berbanding tahun 2016 (SME Corporation, 2021b).

Sektor pertanian PKS pula menyumbang 4.0 peratus kepada KDNK negara pada tahun 2016, dan kekal pada kadar yang sama pada tahun 2020 setelah berlaku sedikit penurun pada tahun 2018 dengan sumbangan sebanyak 3.8 peratus. Sumbangan sektor perlombongan dan pengkuarian pula kekal terhadap KDNK negara kekal pada kadar

0.2 peratus bagi tempoh sepanjang tahun 2016 sehingga tahun, manakala sumbangan sektor pembinaan menurun sebanyak 0.3 peratus bagi tempoh berkenaan dengan kadar sumbangan 1.9 peratus pada tahun 2020 berbanding 2.3 peratus pada tahun 2016.

Jadual 1.9 Peratus Sumbangan dan Pertumbuhan PKS Mengikut Sektor Ekonomi (pada harga malar 2015)

Sektor	Sumbangan PKS Kepada KDNK			Perubahan dalam Sumbangan (berbanding tahun 2016)	
	2016	2019	2020	2019	2020
Perkhidmatan	22.8	24.6	23.7	+1.8	+0.9
Pembinaan	2.3	2.2	1.9	-0.1	-0.3
Pembuatan	7.6	7.7	7.9	+0.1	+0.3
Pertanian	4.0	3.8	4.0	-0.2	0.0
Perlombongan & Pengkuarian	0.2	0.2	0.2	0.0	0.0
Jumlah	37.3	38.9	38.1	+1.6	+0.8

Sumber : Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (tahun rujuk 2015), Jabatan Perangkaan Malaysia (2021)

Dari segi tenaga kerja, Banci Ekonomi 2011 menunjukkan perusahaan mikro menyumbang sebanyak 1,366,838 atau 37.3 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja dalam PKS, dan daripada jumlah berkenaan, sebanyak 1,219,801 tenaga kerja berada di sektor perkhidmatan (Jadual 1.10).

Jadual 1.10 Pecahan Bilangan Tenaga Kerja Mengikut Sektor dan Saiz Perusahaan

Sektor	2010			
	Mikro	Kecil	Sederhana	Jumlah
Perkhidmatan	1,219,801	1,002,186	388,386	2,610,373
Pembuatan	67,892	360,299	270,522	698,713
Pertanian	13,718	24,864	40,195	78,777
Pembinaan	65,153	89,277	121,201	275,631
Perlombongan & Pengkuarian	274	1,454	4,037	5,765
Jumlah Tenaga Kerja	1,366,838	1,478,080	824,341	3,669,259

Sumber : Banci Ekonomi 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia (2011).

Statistik dan penjelasan yang digariskan di atas menunjukkan bahawa wujud peningkatan yang berterusan dalam bilangan perusahaan mikro di Malaysia, dan ini menjadikan sektor ini terus dominan kepada sektor PKS dalam pelbagai sektor ekonomi. Lantaran itu, peranan, sumbangan dan penekanan terhadap sektor ini tidak boleh dinafikan lagi dalam setiap perbincangan yang melibatkan PKS di Malaysia.

1.3 Konsep Pembiayaan Mikro

Pada masa ini, program pembiayaan mikro digunakan oleh kebanyakan negara termasuk negara maju dalam usaha menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan sektor perusahaan mikro dan kecil. Antara matlamat utama pelaksanaan program pembiayaan mikro adalah untuk menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan bersaiz mikro dan kecil yang tidak dapat ditawarkan oleh institusi kewangan. Menurut Mahmood dan Mohamad (2011), program pembiayaan mikro merupakan program yang menyediakan modal kewangan dengan jumlah yang kecil berserta syarat-syarat yang tidak membebankan golongan usahawan mikro dan kecil bagi tujuan meningkatkan pendapatan mereka menerusi kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh mereka. Manakala Ojelabi (2015) pula menjelaskan bahawa konsep pembiayaan mikro secara mudahnya boleh diterangkan sebagai kemudahan pembiayaan atau pinjaman bersaiz kecil yang disediakan dengan cara yang mudah dan cepat kepada individu atau isi rumah yang berpendapatan rendah. Kemudahan pembiayaan ini pada dasarnya diberikan bagi tujuan menjana pendapatan atau memulakan serta mengembangkan perniagaan golongan berkenaan.

Sejarah pembentukan pembiayaan mikro bermula di Bangladesh pada tahun 1976 melalui program yang diperkenalkan oleh Prof. Muhamad Yunus, Ketua Program Ekonomi di Universiti Chittagong. Dalam tinjauannya terhadap golongan miskin di

Bangladesh, beliau telah merumuskan bahawa mereka sukar untuk meningkatkan taraf hidup mereka sekiranya hanya bergantung pada pendapatan harian. Berdasarkan isu ini, beliau telah menjalankan satu kajian bagi mengkaji kaedah yang boleh dilaksanakan bagi membantu penyaluran kredit kepada golongan ini tanpa melalui proses pinjaman yang ketat seperti yang telah ditetapkan oleh institusi kewangan. Beliau kemudiannya telah membentuk Projek Grameen Bank yang menyediakan pembiayaan kredit kepada golongan miskin yang berpendapatan rendah dengan syarat yang mudah dan tanpa memerlukan cagaran (Grameen Research, 2016; Akter dan Jilu, 2020).

Secara umumnya, pembiayaan mikro berperanan dalam menyediakan perkhidmatan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah (Ferrari et al., 2006). Pembiayaan ini merupakan sumber perkhidmatan kewangan untuk usahawan dan perniagaan kecil yang kurang mendapat akses perbankan dan perkhidmatan yang berkaitan. Perkhidmatan kewangan ini termasuk pinjaman, simpanan, insurans, dan kiriman wang untuk pelbagai tujuan, namun kebiasaannya adalah untuk pembangunan perusahaan mikro. Menurut Hasaballah et al. (2013), pembiayaan mikro merupakan program yang menyediakan pinjaman kepada golongan miskin atau berpendapatan rendah untuk menjalankan sesuatu aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan ke arah membangunkan ekonomi diri sendiri dan keluarga. Bakhshoodeh et al. (2008) pula menjelaskan bahawa pembiayaan mikro bermaksud program yang membantu mengurangkan kadar kemiskinan dan menyediakan kemudahan pinjaman kepada golongan miskin. Pembiayaan mikro merupakan sumber kewangan kepada usahawan mikro dan kecil yang kurang mendapat akses pinjaman dari bank dan khidmat kewangan lain (Kibet et al., 2015).

Institusi perbankan enggan memberikan pembiayaan kepada golongan berpendapatan rendah kerana keuntungan yang diperoleh daripada pembiayaan

berkenaan adalah rendah, serta golongan berkenaan kekurangan aset untuk dijadikan sebagai cagaran pembiayaan. Hal ini merupakan satu risiko kepada pihak bank. Keadaan ini menyebabkan wujudnya institusi pembiayaan mikro yang mampu menyediakan keperluan kewangan kepada golongan berkenaan bagi meningkatkan produktiviti, pertumbuhan perusahaan perniagaan serta membantu membangunkan pertumbuhan ekonomi (Thuo, 2014; Naem, 2015; Ashamu, 2014).

Pada dasarnya, idea kepada penubuhan institusi kewangan mikro adalah untuk menyediakan akses kewangan yang mudah kepada perusahaan kecil dan sederhana yang tidak mendapat pembiayaan daripada bank (Olowe et al., 2013). Institusi kewangan yang menawarkan kemudahan pembiayaan mikro ini memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang kepada pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan kadar kemiskinan (Mwangi & Mwai, 2014). Bank Pembangunan Asia (ADB) menggariskan pembiayaan mikro sebagai satu kaedah dalam mengurangkan kadar kemiskinan di Asia dan juga Pasifik. ADB percaya bahawa akses kepada pembiayaan mikro merupakan salah satu langkah yang efektif dalam meningkatkan taraf hidup (ADB, 2018). Kepentingannya jelas dilihat apabila Bank Dunia telah mengiktirafkan program pembiayaan mikro sebagai satu kaedah dalam membantu mengatasi masalah ketidaksamaan pendapatan serta mengurangkan kadar kemiskinan, dan program ini telah terbukti berjaya di kebanyakan negara (Hasaballah et al., 2013).

1.4 Pembiayaan Mikro Di Malaysia

Pembangunan pembiayaan mikro berkembang dengan pesat, khususnya di negara-negara membangun dan miskin, dengan tumpuan kepada negara di Asia, Amerika Latin dan Amerika Selatan. Di Malaysia, agenda pembiayaan mikro bukanlah baru dalam program-program pembangunan ekonomi dan PKS. Dapatan Bancian

Ekonomi Tahun 2016 menunjukkan bahawa 78.6 peratus daripada PKS di Malaysia terdiri daripada perusahaan mikro (SME Corporation, 2021a). Laporan ini turut mendedahkan sebahagian besar perusahaan mikro bergantung pada sumber pembiayaan sendiri dan peminjaman daripada keluarga dan rakan dalam memulakan dan menjalankan operasi perniagaan mereka. Terdapat hanya 13 peratus daripada perusahaan mikro yang bergantung pada institusi kewangan untuk mendapatkan pembiayaan.

Bagi mendepani isu ini, kerajaan melalui Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah meluluskan rangka kerja institusi pembiayaan mikro dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kewangan secara formal kepada perusahaan mikro. Beberapa buah institusi kewangan telah diberi mandat untuk melaksanakan program pembiayaan mikro ini seperti Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Rakyat dan Bank Agro , dengan tumpuan kepada sektor perusahaan mikro yang berbeza.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menggariskan pembiayaan mikro sebagai pembiayaan yang disediakan untuk perniagaan kecil-kecilan dengan jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah antara RM500 hingga RM50,000 untuk membiayai sesbuah perniagaan perusahaan mikro. Pembiayaan mikro ini diberikan untuk tujuan perniagaan sahaja seperti membiayai modal pusingan dan pembelian aset tetap dan bukan untuk pembiayaan peribadi. Secara ringkas, produk pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi kewangan ini lazimnya mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Pinjaman bersaiz kecil dengan jumlah antara RM500 sehingga RM50,000
- ii. Keperluan cagaran yang fleksibel
- iii. Tempoh pembiayaan yang fleksibel, iaitu di antara 1 bulan sehingga 5 tahun

- iv. Prosedur pembiayaan yang mudah dengan kaedah pengeluaran pembiayaan dengan segera.
- v. Insentif kepada perusahaan mikro bagi menggalakkan amalan pembayaran balik yang baik

Pembiayaan mikro merupakan salah satu komponen utama yang diperlukan dalam pembangunan perusahaan mikro yang mapan di samping bantuan teknikal, latihan, teknologi bekalan input dan akses kepada pasaran (Nawai & Shariff, 2011). Seperti negara-negara lain, pelbagai program pembiayaan mikro yang terdapat di Malaysia menyediakan bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah dan perniagaan mikro bagi tujuan meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi golongan berkenaan. Malaysia merupakan salah sebuah negara membangun yang telah mendapat pengiktirafan Bank Dunia kerana usahanya untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan, dan telah diletakkan di tangga pertama dalam kalangan 183 buah negara dari segi usaha menyediakan kemudahan pembiayaan kredit, termasuk pembiayaan kecil dan mikro (SME Corporation, 2016). Sehingga akhir tahun 2015, terdapat 185,000 perusahaan mikro di Malaysia telah menerima pembiayaan melibatkan pembiayaan berjumlah RM3.1 bilion diberikan melalui sistem pembiayaan formal dan agensi kerajaan.

Kepentingan PKS dan mikro di Malaysia bermula dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 bertujuan untuk mengurangkan jurang sosioekonomi antara kaum di negara ini dan membasmi kemiskinan terutamanya dalam kalangan Bumiputera, dengan menggalakkan pemilikan perniagaan atau perusahaan. Pelbagai dasar dan agensi telah ditubuhkan dalam membangunkan sektor ini. Program pembiayaan kewangan mikro merupakan salah satu bentuk bantuan yang dilaksanakan

dalam usaha membantu pembangunan usahawan mikro Bumiputera melalui penyediaan bantuan modal dan pembiayaan kewangan.

Pembiayaan mikro di Malaysia bermula sejak 3 dekad yang lalu dengan penubuhan beberapa buah agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi melaksanakan pembiayaan kewangan kepada perusahaan mikro. Agensi yang terlibat dalam menyediakan kemudahan ini seperti TEKUN Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Institusi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Usaha Maju (YUM). Penubuhan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan pada tahun 2004 merupakan usaha terkini kerajaan bagi menyokong pertumbuhan perusahaan mikro melalui penyediaan akses kepada sistem perbankan formal. Pada tahun 2006, majlis ini telah meluluskan rangka kerja pembiayaan mikro yang mapan di bawah seliaan Bank Negara yang dikenali sebagai Pembiayaan Mikro. Beberapa buah institusi kewangan telah diberi mandat bagi menawarkan pembiayaan mikro melibatkan Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, Bank Agro, Alliance Bank, AMBANK, CIMB Bank, EONCAP Islamic Bank, Public Bank, and United Overseas Berhad (Bank Negara Malaysia, 2010). Saiz pembiayaan yang ditawarkan adalah antara RM1 ribu hingga RM5 ribu tanpa memerlukan cagaran. Terdapat juga institusi bukan kewangan menawarkan pembiayaan mikro yang terdiri daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan kesatuan kredit (*credit unions*). Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan juga Yayasan Usaha Maju (YUM) di Sabah merupakan antara pihak NGO yang menawarkan pembiayaan mikro. Selain itu, beberapa buah agensi kerajaan yang berperanan dalam menyediakan kemudahan pembiayaan mikro terdiri daripada TEKUN Nasional (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Koperasi Kredit Rakyat di Selangor

pula merupakan antara kesatuan kredit yang turut menawarkan pembiayaan mikro kepada golongan usahawan mikro.

Dengan adanya pembiayaan mikro, usahawan mikro boleh mendapat akses kepada pembiayaan tanpa cagaran dengan prosedur permohonan yang mudah, keperluan dokumentasi yang minimum, kelulusan dan pembayaran yang pantas. Sehingga penghujung tahun 2009, jumlah pembiayaan terkumpul di bawah Pembiayaan Mikro adalah sebanyak RM616.5 juta yang telah disalurkan kepada 57,403 orang pelanggan melibatkan sembilan buah institusi kewangan, masing-masing mewakili pertumbuhan tahunan sebanyak 29.1 peratus dan 27.1 peratus. TEKUN Nasional pula telah menyalurkan sebanyak RM2.86 bilion kepada 272,104 usahawan mikro di seluruh negara sejak mula penubuhan agensi ini sehingga 2013 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014). Jumlah pembiayaan ini meningkat kepada RM3.04 bilion melibatkan 285,227 usahawan mikro sehingga 31 Mac 2014.

1.4.1 Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) merupakan institusi pembiayaan mikro yang terawal dan terbesar di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1987 dan didaftarkan di bawah Akta Amanah 1952 (Pindaan 1981) Akta 258, dan berperanan sebagai sebuah badan bukan kerajaan yang menyediakan kemudahan pembiayaan mikro kepada golongan usahawan mikro di Malaysia. Penubuhan AIM adalah rentetan daripada kejayaan satu projek penyelidikan iaitu Projek Ikhtiar yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia di Barat Laut, Selangor. Projek ini yang diketuai oleh Profesor David S. Gibbons dan Profesor Sukor Kasim merupakan satu kajian yang dijalankan bagi menguji pendekatan Grameen Bank dalam mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar dengan menawarkan skim pembiayaan kredit mikro kepada

golongan miskin yang menjalankan kegiatan ekonomi berdasarkan kemahiran yang dimiliki sebagai usaha menambah pendapatan keluarga (Amanah Ikhtiar Malaysia, 2022; Omar et al., 2012; Nawai & Shariff, 2011).

Objektif utama penubuhan AIM adalah untuk mengurangkan kemiskinan dalam kalangan isi rumah miskin dan termiskin di Malaysia dengan menyediakan kemudahan pembiayaan kredit mikro untuk membiayai kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh mereka bagi tujuan menambah dan meningkatkan pendapatan mereka.

Selama 3 dekad penubuhannya, AIM telah mencatat pengeluaran pembiayaan mikro yang pesat bermula RM500,000 pada tahun 1990, dan kini telah mencapai RM2.6 bilion pada tahun 2019. Secara kumulatifnya, AIM telah mengeluarkan pembiayaan mikro berjumlah RM24 bilion (Amanah Ikhtiar Malaysia, 2022). Program-program pembiayaan mikro yang ditawarkan di bawah AIM adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 1.11 di bawah.

Jadual 1.11 Ringkasan Skim Pembiayaan AIM

Bil	Skim Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan	Tempoh Pembiayaan
1.	Skim i-Mesra	Sehingga RM10,000	Sehingga 100 minggu
2.	Skim i-Srikandi	Sehingga RM30,000	Sehingga 150 minggu
3.	Skim i-Wibawa	Sehingga RM15,000	Sehingga 25 minggu
4.	Skim i-Sejahtera	Sehingga RM15,000	Sehingga 100 minggu
5.	Skim i-Bestari	Sehingga RM5,000	Sehingga 100 minggu
6.	Skim i-Penyayang	Sehingga RM5,000	Sehingga 100 minggu

Sumber : Amanah Ikhtiar Malaysia

1.4.2 Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)

TEKUN atau Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga merupakan salah satu badan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang ditubuhkan pada tahun 1994 melalui resolusi Konvensyen Ekonomi Bumiputera Pulau Pinang yang mencadangkan wujudnya satu sistem yang dapat membantu usahawan Bumiputera

mendapatkan bantuan kewangan dan penyaluran modal tambahan secara lebih mudah, cepat dan tidak membebankan golongan usahawan Bumiputera. Selaras dengan resolusi ini, Pusat Penyelidikan Dasar (CPR), Universiti Sains Malaysia telah diberi tanggungjawab dalam melaksanakan projek TEKUN ini. Projek perintis TEKUN telah dijalankan di Pulau Pinang dan seterusnya projek tersebut dilaksanakan pula di Daerah Jeli, Kelantan pada tahun 1996, dan dikembangkan ke Besut, Terengganu pada tahun 1997 (Tekun Nasional, 2016).

Melihat kepada kejayaan dalam projek-projek perintis yang telah dijalankan, TEKUN telah diperluaskan ke seluruh negara dengan tujuan menyediakan kemudahan kewangan kepada usahawan-usahawan kecil Bumiputera. Pada tahun 1998, Yayasan TEKUN Nasional telah ditubuhkan bagi tujuan memacu perjalanan TEKUN dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) (Tekun Nasional, 2016). Objektif penubuhan TEKUN adalah untuk menawarkan modal tambahan dengan cara lebih mudah, cepat dan tidak membebankan golongan usahawan. Program ini dilaksanakan dengan tujuan untuk memudahkan usahawan kecil Bumiputera memperolehi pinjaman tanpa memerlukan syarat pinjaman yang ketat, penjamin, cagaran dan kertas kerja perniagaan seperti yang ditetapkan oleh bank dan institusi kewangan. Sehingga tahun 2020, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM6.4 billion melibatkan seramai 474,965 orang usahawan di seluruh negara (Tekun Nasional, 2022). Senarai program pembiayaan mikro di bawah TEKUN adalah seperti dalam Jadual 1.12 di bawah.

Jadual 1.12 Ringkasan Skim Pembiayaan TEKUN

Bil	Skim Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan	Tempoh Pembiayaan
1.	Skim Pembiayaan TEKUN Niaga (Kecil)	RM10,000 – RM50,000	Sehingga 5 tahun
2.	Skim Pembiayaan TEKUN Niaga (Sederhana)	RM50,000 – RM100,000	Sehingga 10 tahun
3.	Skim Pembiayaan Teman TEKUN	RM1,000 – RM20,000	6 bulan – 5 tahun
4.	Skim Pembiayaan Program TemanNita	RM1,000 – RM20,000	6 bulan – 5 tahun
5.	Skim Pembiayaan Kontrak-i	RM1,000 – RM100,000	6 bulan
6.	Ar Rahnu TEKUN	Margin 80% daripada nilai marhun; RM1,000 – RM150,000	6 bulan + 6 bulan (lanjutan)
7.	Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (Kecil)	RM10,000 – RM50,000	Sehingga 5 tahun
8.	Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (Sederhana)	RM50,000 – RM100,000	Sehingga 10 tahun
9.	Program Agropreneur Muda	Sehingga RM50,000	Sehingga 5 tahun
10.	Program Pembangunan Usahawan Siswazah	Sehingga RM50,000	Sehingga 5 tahun
11.	Program Pembiayaan Nelayan / Pemasar	Sehingga RM50,000	Sehingga 5 tahun
12.	Skim Pembiayaan Usahawan Bekas Tentera	Sehingga RM100,000	Sehingga 10 tahun
13.	Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera	Sehingga RM100,000	Sehingga 10 tahun

Sumber: Tekun Nasional (2022)

1.4.3 Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta Parlimen, hasil resolusi Kongres Ekonomi Bumiputra yang diadakan pada tahun 1965 (Majlis Amanah Rakyat, 2019). Objektif utama penubuhannya adalah untuk meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam aktiviti ekonomi dan sosial sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Salah satu agenda yang dilaksanakan oleh MARA bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi, khususnya perniagaan

melalui skim pembiayaan perniagaan MARA. Pelbagai skim pembiayaan perniagaan disediakan kepada usahawan Bumiputera, termasuk perniagaan/perusahaan kecil dan mikro. Beberapa skim pembiayaan yang ditawarkan oleh MARA kepada perniagaan kecil adalah seperti digariskan dalam Jadual 1.13 di bawah.

Jadual 1.13 Ringkasan Skim Pembiayaan MARA

Bil	Skim Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan	Tempoh Pembiayaan
1.	Skim Pembiayaan Perniagaan Prihatin Mikro (S3P)	Sehingga RM50,000	Sehingga 6 tahun
2.	Program Usahawan Lepasan Institusi Pendidikan MARA / Belia (PUTRA)	Sehingga RM10,000	1 tahun - 3 tahun
3.	Pembiayaan Perniagaan Kepada Orang Kelainan Upaya (Skim OKU)	Sehingga RM50,000	1 tahun – 15 tahun
4.	Skim Pembiayaan Lepasan IPMa (SEMAi)	RM10,000 – RM50,000	1 tahun – 5 tahun
5.	Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA)	Sehingga RM150,000	1 tahun – 10 tahun

Sumber: Majlis Amanah Rakyat

1.4.4 Program Pembiayaan Mikro

Program pembiayaan mikro diperkenalkan oleh Bank Negara dan ditawarkan kepada semua perusahaan mikro yang mempunyai perniagaan yang berdaya maju. Program ini ditawarkan kepada perniagaan atau perusahaan dalam semua sektor ekonomi tetapi ketetapan kepada sektor-sektor ekonomi yang layak untuk mendapatkan pembiayaan ini adalah tertakluk kepada institusi kewangan yang dilantik. Terdapat tiga institusi kewangan yang dilantik bagi menawarkan pembiayaan mikro ini iaitu Bank Agro, Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional (BSN). Selain itu, beberapa buah bank perdagangan turut terlibat dalam menawarkan program pembiayaan mikro ini melibatkan Alliance Bank, AmBank, CIMB Bank, EONCAP Islamic Bank, Public Bank dan United Overseas Bank. Jadual 1.14 di bawah menggariskan produk-produk